

سور او الفرقان

TAMAN SEKAMAT KAJANG

LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN

DARI 1 JAN 2018 HINGGA 30 SEPTEMBER 2019



LAPORAN AKTIVITI SURAU SESI 6/2013 – 6/2016

1. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BERAKHIR PADA 31 MAC 2018

Mesyuarat Agung Tahunan Surau Al-Furqan yang berakhir pada 31 Mac 2018 telah diadakan pada 29 April 2019. Mesyuarat Agung ini telah dihadiri oleh 118 ahli Qariah Surau Al-Furqan Taman Sekamat.



Peningkatan kehadiran para jamaah pada mesyuarat agung tahunan kali ini telah menggambarkan betapa perhatannya mereka ke atas pentadbiran Surau Al-Furqan yang menginginkan wujudnya pentadbiran yang baik melalui lontaran idea dan cadangan untuk dilaksanakan.

2. PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH TASKI AL-FURQAN

Tahun kedua pentadbiran jawatankuasa sesi 2017-2019 telah memberi tumpuan kepada pembangunan Sekolah Taski Al-Furqan. Pembinaan telah dimulakan pada 8 Mei 2018 dan siap sepenuhnya pada 15 November 2018. Walaupun dalam keadaan kekangan kewangan dan masih menanggung sedikit hutang dari pembinaan surau baru, AJK masih tidak patah semangat untuk meneruskan projek pembinaan ini. Dengan berbekalkan baki kewangan yang kecil, pembinaan telah dimulakan



Konsep bayaran upah kepada kontraktor terpilih telah digunakan di mana semua barang keperluan pembinaan akan dibeli oleh SAF sendiri manakala kontraktor hanya dibayar upah. Persefahaman juga telah dibuat bersama kontraktor di mana pembinaan hanya akan berjalan bila kewangan ada.

Bagi mendapatkan dana yang mencukupi, kempen sumbangan telah dibuat di sepanjang bulan Ramadhan 1439H. Alhamdulillah, di samping tajaan peralatan, bahan-bahan binaan dan wang tunai dari jemaah secara individu, dana keperluan pembinaan dapat diperolehi dan mampu menampung kos keseluruhan pembinaan berjumlah RM 218,779.55. Butiran lengkap pembinaan adalah seperti dilampirkan.

Bangunan Sekolah Taski ini telah disewakan kepada Taski ABIM Sri Hikmah Kajang dengan kadar RM800.00 sebulan bagi tujuan untuk menampung peningkatan kepada bil air, elektrik dan kerja-kerja pembersihan tandas. Sewaan telah bermula pada 1 Januari 2019 dan akan berakhir pada 31 Disember 2020 iaitu selama tempoh dua (2) tahun. Selepas tempoh ini, semakan semula akan dibuat terhadap kadar sewaan dan syarat-syarat yang telah digunapakai.

3. PROGRAM PENGAJIAN AL-QURAN

Program pengajian Al-Quran ini telah diilhamkan oleh YBhg Dato Atan Bin Abu Bakar. Kelas pengajian ini telah dipimpin oleh Ustaz Mohd Yani pada setiap hari Isnin selepas solat Isyak.



Program pengajian Al-Quran mendapat sambutan yang baik dari para jamaah. Semua semua jemaah akan mendapat manfaat yang sepenuhnya dari pengajian ini.

4. PROGRAM KULIAH ILMU HARIAN

Surau Al Furqan terus melaksanakan program kuliah ilmu setiap hari bagi meneruskan kesinambungan program-program yang telah diaturkan.



Beberapa muka baru penceramah juga telah diperkenalkan bagi mengimbangi penceramah sedia ada bagi perkongsian ilmu kepada para jamaah.

5. PROGRAM CERAMAH UMUM

Selain dari pengaturan program kuliah ilmu harian, beberapa siri ceramah umum juga telah dijalankan. Kebiasaannya, ceramah umum akan diadakan bersempena dengan hari-hari kebesaran dalam bulan-bulan Islam. Namun tidak semua dapat dilaksanakan bertepatan sebagaimana yang dirancang kerana cabaran yang selalu dihadapi adalah untuk mendapatkan Penceramah yang terbaik.



Ceramah Umum Perubatan dalam Islam telah disampaikan oleh YBhg Dato Ustaz Mohd Sharhan pada 24 Mac 2018. Pada sesi ini, para jamaah telah mengambil peluang untuk mendapatkan rawatan secara langsung dari YBhg Dato' Ustaz.



Ceramah Umum oleh PU Amin telah diadakan pada Mac 2019



Ustaz Md Asraff Al-Hafiz telah dijemput untuk member ceramah umum sempena Maal Hirah pada 14 September 2019 dengan tajuk "Berhijrahlah sebelum kita dihijrahkan".




Ceramah Umum Maulidurrasul oleh Da'i Muhammad Asri Hijrah Bin Damni 15 Disember 2018

6. SAMBUTAN RAMADHAN 2018 & 2019



Sambutan Ramadhan 1439H dan pengisian program di dalamnya tidak banyak berubah seperti pada tahun-tahun sebelumnya. Ini termasuklah tajaan berbuka puasa, susunatur solat tarawih dan slot tazkirah, program qiamullail dan khatam Al-Quran



Program gotong royong pada 4 Mei 2019 bagi meyambut kedatangan Ramadhan 1440H

Pada tahun 1440H/2019, beberapa perubahan telah dilakukan. Diantara:

- i- Tajaan berbuka puasa. Tajaan tidak lagi dibuka secara individu setiap hari, sebaliknya satu tabung Ramadhan telah disediakan di mana semua ahli jamaah boleh mengambil peluang untuk menyumbang bagi penyediaan berbuka puasa ini. Dengan mewujudkan Tabung Ramadhan ini, para jamaah tidak lagi rasa terbeban dengan jumlah yang tinggi untuk menaja sebaliknya semua jamaah mendapat peluang untuk member sumbangan tajaan.
- ii- Imam Tarawih. Pada tahun ini, majoriti Ustaz yang memberi tazkirah telah diminta juga untuk menjadi imam solat tarawih. Pendekatan terbaru ini telah memberi peluang kepada jamaah untuk mengikuti solat tarawih yang dipimpin oleh berbagai penceramah / pendakwah disamping imam-imam tempatan.



Pada Ramadhan tahun 1440H ini, YB Adun Kajang melalui wakil beliau telah bermurah hati menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin di kariah Surau Al-Furqan. Seramai 9 fakir miskin telah dikenalpasti dan telah menerima sumbangan tersebut yang telah disempurnakan oleh wakil kepada YB Adun Kajang.



Seperti pada kebiasaan pada penghujung ramadhan, jamaah Surau Al-Furqan akan mengadakan majlis Khatam Al-Quran. Sebagai penghargaan kepada penglibatan ahli jamaah, maka setiap peserta telah menerima satu cenderahati sumbangan dari Surau Al-Furqan sendiri. Semuga pada tahun-tahun akan datang, penglibatan lebih ramai golongan muda begitu diharapkan agar program seumpama ini dan program-program yang lain tidak menjadi seakan eksklusif untuk pesara sahaja.

7. SAMBUTAN HARI RAYA 2018 & 2019

Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1 Syawal 1439H bersamaan 15 Julai 2018 telah diadakan di luar kawasan Surau Al-Furqan iaitu di jalan 8/2 berhadapan dengan bangunan kedai Taman Sekamat. Lokasi ini dipilih bagi memberi keselesaan kepada jamaah kerana anggaran kehadiran yang tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Seperti amalan biasa, menu utama dibekalkan oleh Katerer yang terpilih di samping sumbangan dari para berbentuk makanan dan wang tunai.



Bagi tahun 2019, persiapan sambutan lebih rapi telah di atur berdasarkan kehadiran semakin ramai dari ahli kariah Surau Al-Furqan pada tahun 2018. Prinsip yang selalu digunapakai dalam proses penyediaan sambutan ini ialah untuk memastikan semua jamaah dapat menikmati makanan yang disediakan dengan sepuasnya di samping suasana yang selesa.



Bakat terpendam dari Ustaz Ahyar menghiburkan para jamaah

Pada program sambutan Hari Raya seumpama ini, jelas kelihatan kemesraan dan kegembiraan di kalangan para jamaah dengan bertegur sapa serta berkenalan semasa menikmati juadah yang dihidangkan. Suasana sebegini adalah sebagai penanda aras wujudnya kesatuan dan ukhuwah di kalangan para jamaah di kariah surau Al- Furqan ini. Adalah diharapkan suasana seumpama ini akan berkekalan di Kariah Surau Al-Furqan ini.

Pada kebiasaan sambutan Hari Raya di Surau Al-Furqan, anak-anak tahfiz dari Pusat Tahfiz Al-Aziz tidak pernah dilupakan dan akan diraikan bersama. Juga para ustaz dan penceramah, mereka dijemput sebagai tetamu terhormat dan dimuliakan kerana ilmu yang telah disampaikan.

8. SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL ADHA DAN IBADAH QURBAN 1439H & 1440H



Seperti tahun-tahun sebelumnya, Surau Al-Furqan tidak ketinggalan telah menjalankan ibadah Qurban bagi memenuhi dan menzahirkan syiar Islam di kariah surau Al-Furqan. Program Qurban ini telah dijalankan pada 10 Zulhijjah 1439H bersamaan 22 Ogos 2017. Enam (6) ekor lembu telah diqurbankan pada tahun ini dengan satu bahagian korban bernilai RM650.00.

Pada Hari Raya Aidil Adha 2019 pula, Tn Hj Abdul Wahab telah diberi tanggungjawab untuk bertugas sebagai khatib dan imam untuk solat Aidul Adha.



Ibadah Qurban Surau Al-Furqan pada tahun 2019 terus mendapat sambutan menggalakkan apabila 8 ekor lembu telah dikorbankan berbanding 6 ekor pada tahun-tahun sebelumnya. Kesungguhan para jamaah dalam melaksanakan ibadah Qurban ini sebagai gambaran terhadap kefahaman dan kesedaran yang tinggi di kariah ini.



9. PROGRAM DAN AKTIVITI-AKTIVITI MUSLIMAT

Di antara program yang telah diatur oleh Jemaah muslimat adalah seperti berikut:

Pengajian Al-Quran.

Program ini dijalankan selepas solat Isyak bagi setiap hari Selasa dan Jumaat. Pengajian pada hari Selasa di pimpin oleh Ustaz Muhd Yani Zakaria. Ustaz Ahyar pula memimpin kumpulan pada hari Jumaat.

Bertadarus dan membaca Tafsir Al-Quran juga dijalankan selepas Solat Subuh pada setiap hari Isnin hingga Jumaat. Sebagai satu cara untuk menggalakkan muslimat terus membaca Al-Quran ialah dengan membuat agihan juzuk-juzuk tertentu di ikuti oleh bacaan khatam Al-Quran di Surau.

Kuliah Muslimat. Program ini dijalankan pada setiap hari Sabtu pagi minggu pertama dan dipimpin oleh Ustazah Kalsom. Kitab yang digunakan adalah Idaman Penuntut. Pengarangnya adalah Tuan Haji Abdul Ghani Bin Haji Yahya.

Ziarah Ukhuwah dan Mahabah.

Bagi menzahirkan rasa simpati dan keperihatinan terhadap ahli kariah terutamanya yang sakit atau ditimpa musibah, wakil muslimat meneruskan program ziarah dari masa ke semasa, samada di rumah atau di hospital.

Jejak Kasih Asnaf

Wakil muslimat juga terlibat dalam usaha menjejak asnaf khususnya dari ahli kariah. Sempena dengan bulan Ramadhan yang lalu, kami telah mengenalpasti beberapa keluarga asnaf dalam usaha membantu menyalurkan sumbangan oleh YB Adun Kajang sempena Hari Raya dan Program Jom Shopping di Econsave Jalan Reko.

10. KERJA-KERJA MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR SURAU AL-FURQAN

Ahli jawatankuasa sentiasa memantau keperluan infrastruktur di Surau Al-Furqan dari masa ke semasa bagi memastikan ia dapat memberi manfaat kepada para jamaah. Walaubagaimana tindakan penyediaan infrastruktur ini bergantung penuh kepada status kewangan semasa. Diantara kerja-kerja yang telah dijalankan adalah seperti di bawah:

- i-  **Memasang awning** pada tempat wuduk dan tempat basuhan pinggan bagi melindungi jamaah dari hujan dan panas matahari

- ii-  **Membina tempat basuhan** pinggan yang selesai kepada jamaah selepas menjamu selera.

iii- **Mempertingkatkan kualiti Sistem Audio**



Beberapa unit amplifler yang baru telah dipasang bagi memastikan bekalan kuasa mencukupi untuk menghasilkan audio yang baik. Peralatan lain seperti pembesar suara juga telah dipertingkatkan. Semua peralatan bagi mempertingkatkan kualiti sistem audio telah ditaja oleh jamaah sendiri.

iv- **Meningkatkan tekanan bekalan air ke Surau Al-Furqan**

Surau Al-Furqan sering mengalami gangguan bekalan air. Apabila kajian dijalankan, punca utama yang dikenalpasti adalah disebabkan tekanan air yang rendah dan mengakibatkan tangki simpanan air lambat dipenuhi. Satu tindakan segera telah diambil dimana, pembekalan air ke surau telah menggunakan pembentungan baru. Tindakan segera ini perlu dilakukan kerana Surau Al-Furqan akan melaksanakan solat pada 27 September 2019 dan bekalan air perlu cukup untuk memudahkan jamaah.

v- Meningkatkan keselamatan Surau Al-Furqan



Ciri-ciri keselamatan surau telah dinaik taraf melalui pemasangan CCTV. Disamping memasang kunci manual pada pintu keluar masuk Surau, CCTV ini adalah diharapkan dapat mengurangkan kecurian yang berlaku atau menghalang terus dari kecurian berlaku.

vi- Penambahan 4 unit penghawa dingin



Saf pertama sering tidak dapat merasakan kesejukan yang sempurna dari unit-unit penghawa dingin sedia ada. Hasil cadangan dan Tajaan dari Saudara Ismail Bin Idrus, maka 2 unit penghawa dingin telah dipasang di Saf pertama dan 2 unit lagi pada saf muslimat.

11. KERJA-KERJA MENCERIAKAN SURAU AL-FURQAN

Cadangan penceriaan Surau telah disuarakan pada masa mesyuarat Agung tahunan Surau Al-Furqan pada 29 April 2018. Ahli jawatankuasa telah ambil maklum dengan cadangan ini dan telah mengambil tindakan perlaksanaannya. YBhg Dato' Setiausaha telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai gerak kerja penceriaan ini. Aktiviti ini telah direalisasikan pada 3 Mei 2019 di mana para jamaah telah turun bergotong royong menjayakan misi ini.



12. PERLAKSANAAN SOLAT JUMAAT

Seluruh ahli Kariah Surau Al-Furqan telah melahirkan kesyukuran tidak terhingga apabila Surau Al-Furqan telah diberi kebenaran untuk mendirikan solat Jumaat. Tanggal 27 September 2019 adalah merupakan tarikh bersejarah bagi Surau Al-Furqan kerana pada tarikh ini Solat Jumaat pertama di Surau ini telah didirikan.

Ahli Jawatankuasa telah melakukan persiapan rapi bagi memastikan keperluan mendirikan solat Jumaat ini sempurna. Keperluan-keperluan tersebut meliputi bekalan air mencukupi ke tandas dan keperluan wudhuk, mikrofon khatib, panel teks kutbah, tirai pemisah jemaah muslimin dan muslimat bagi menggantikan pengadang kayu, melantik petugas menghampar dan menyimpan sejadah sebelum dan selepas solat jumaat, memperbaiki 2 unit kipas yang rosak, menyediakan set mikrofon bilal dan mengalihkan mimbar bersama bantuan jemaah.





Khutbah pertama telah disampaikan oleh Pegawai Tadbir Agama (PTA) merangkap Kadhi Daerah Hulu Langat, Ustaz Hj Mahayuddin. Pegawai dari Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAID) seperti Ustaz Khairul Nazri dan beberapa yang lain juga hadir pada solat jumaat yang pertama ini. Dianggarkan sekitar 800 orang jemaah telah hadir pada hari yang bersejarah ini.



- **Tamat Laporan**-